

## *Perlaksanaan peruntukan paksa kepada pegawai ATM dan Sistem Audit Online (ATMS) Kementerian Pertahanan*

### **Perlaksanaan Peruntukan Paksa Kepada Pegawai ATM**

**P**eruntukan paksa telah mula diperkenalkan pada tahun 1975 dan ianya hanya dilaksanakan kepada anggota Lain-lain Pangkat (LLP) sahaja sebagai ganti kepada marriage allowance. Cadangan potongan paksa kepada semua pegawai ATM telah dipersetujui dalam Mesyuarat MAT ke 482 untuk dipanjangkan pelaksanaannya kepada semua pegawai ATM berpangkat Lt Muda hingga PAT atau setaraf yang berkeluarga. Peruntukan paksa bagi pegawai ini hanya dibayar kepada isteri yang pertama sahaja dan Pegawai wanita yang berkahwin adalah dikecualikan.

Kadar peruntukan Paksa adalah ditetapkan sepuluh peratus (10%) daripada gaji pokok semasa untuk setiap pangkat dan dikira ke Ringgit Malaysia yang berhampiran. Pelaksanaan peruntukan paksa kepada pegawai ATM akan berkuat kuasa mulai 1 Okt 2009.

### **Sistem Audit Online (AIMS) Kementerian Pertahanan**

AIMS (Accountability Index Monitoring System) sistem pengauditan pengurusan kewangan secara sistem online merupakan satu sistem yang terhasil bagi mengatasi kekangan-kekangan yang dihadapi oleh pihak Bahagian Audit Dalam (BADSA) semasa menjalankan pengauditan. Kekurangan pegawai dan peruntukan serta KEMENTAH mempunyai 106 Pusat Tanggung Jawab (PTJ) serta 463 Pusat Kos yang perlu dilawati atau diaudit setiap tahun adalah faktor utama sistem AIMS ini di bangukan.

Sistem ini dibangunkan dengan menggunakan kepakaran pegawai dari Bahagian Audit Dalam (BADSA) bersama Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) Kementerian Pertahanan. Melalui sistem AIMS ini PTJ dan Pusat Kos akan menjawab soalan-soalan yang berkaitan dengan pengurusan kewangan secara online dan sistem komputer akan mengira dan memproses markah secara automatik.

Sistem ini juga membolehkan pihak pengurusan atasan boleh melihat secara terus tahap pengurusan kewangan PTJ dan Pusat Kos di bawahnya. Sebarang pertanyaan sila hubungi Mej Salawati Yahaya di talian 03-20715039. – **Unit Komunikasi Korporat Kementerian Pertahanan**

